

25 OCT 1997

CHOGM-perdagangan

KETUA-KETUA KERAJAAN KOMANWEL MAHU PERDAGANGAN DITINGKATKAN

Oleh: Zainoor Sulaiman

EDINBURGH, 25 Okt (Bernama) -- Ketua-ketua kerajaan Komanwel yang bersidang di sini mahu langkah konkrit diambil bagi menggalak dan meningkatkan lagi perdagangan di kalangan negara-negara anggota, kata Menteri Luar Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Satu daripada langkah yang dicadangkan ialah mewujudkan Peraturan Keistimewaan Perdagangan Komanwel (CPTA), katanya dalam taklimat kepada wartawan Malaysia malam tadi di akhir hari pertama Mesyuarat Ketua-ketua Kerajaan Komanwel (CHOGM) di sini.

Seramai 12 ketua kerajaan termasuk Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berucap pada hari pertama mesyuarat yang tertumpu kepada bidang perdagangan, pelaburan dan pembangunan.

Abdullah berkata untuk menggalakkan perdagangan dan pembangunan seimbang, ketua-ketua kerajaan itu berpendapat satu mekanisme perlu diwujudkan supaya negara-negara anggota yang kecil dan lemah ekonominya tidak ketinggalan.

Beberapa pemimpin telah menyatakan kebimbangan tentang kemungkinan negara-negara itu tidak dapat menghadapi arus liberalisasi dan globalisasi dengan baik dan berkesan.

Dalam ucapannya pada sesi eksekutif pertama semalam, Dr Mahathir telah menegaskan pentingnya tahap pembangunan dan kemampuan persaingan sesuatu negara diberi pertimbangan dalam proses liberalisasi ini.

Jika tidak, negara-negara kecil dan lemah akan terus ketinggalan dalam dunia tanpa sempadan dan sekatan, katanya.

Abdullah berkata untuk menangani masalah ini, Australia telah mencadangkan supaya diwujudkan satu program untuk membolehkan negara-negara berkenaan meningkatkan kemampuan masing-masing.

Dengan menyertai latihan dan seminar dalam program itu, pegawai dari negara-negara anggota akan dapat mengenal pasti peluang yang wujud bagi mereka untuk meningkatkan perdagangan, pelaburan dan pembangunan di negara masing-masing.

"Cadangan ini disambut baik dan akan dilaksanakan dengan bantuan beberapa negara termasuk Australia, Kanada dan Britain," katanya.

Abdullah berkata dalam menangani arus globalisasi ini, ketua-ketua kerajaan sependapat bahawa konsep perkongsian bijak yang dipelopori oleh Malaysia menerusi Dialog Antarabangsa Langkawi ditingkatkan di kalangan negara-negara Komanwel.

Mereka percaya negara-negara yang maju dapat membantu negara-negara anggota yang lain khususnya yang berjiran dengan memberi latihan dan menyertai projek usaha sama dan membantu memasarkan hasil pengeluaran.

Mereka mengakui betapa baiknya perkongsian bijak ini digunakan sebagai satu pendekatan atau satu prinsip yang boleh dipegang oleh mana-mana pihak yang diberi peluang dalam projek pelaburan, perdagangan dan pembangunan di negara-negara Komanwel.

"Dengan mengambil pendekatan itu semua pihak akan memperolehi keuntungan," kata Abdullah.

Ketua-ketua kerajaan menyambung semula persidangan hari ini dengan dipengerusikan oleh Perdana Menteri Britain Tony Blair.

Malam tadi mereka diraikan oleh Ratu Elizabeth II di Istana Holyroodhouse di sini. -- BERNAMA

ZS MAI